

POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Konflik kepentingan melibatkan konflik antara tanggungjawab awam kakitangan MDP dan kepentingan peribadi mereka dimana kakitangan tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang boleh mengganggu objektiviti kakitangan ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab.
- 1.2 Konflik kepentingan juga boleh berlaku ketika membuat pertimbangan bagi pihak MDP. Biasanya diukur dari sudut etika, sama ada apa yang dilakukan oleh kakitangan itu betul atau salah secara moral. Manakala ada pihak melihat apa yang dilakukan itu adalah sebagai satu keperluan, untuk menjamin kelangsungan hidup.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Bagi memastikan ahli majlis, pegawai dan kakitangan MDP dapat berfikir secara objektif dan rasional, sekaligus membuat keputusan secara adil dan saksama, tidak dipengaruhi dan boleh membezakan antara urusan peribadi dan tugas kerja.

3.0 DEFINISI

- 3.1 Perkara-perkara yang termasuk dalam kepentingan peribadi ialah kepentingan yang melibatkan anak, suami/isteri, ibu/bapa, ibu/bapa mertua dan sebagainya yang diistilahkan sebagai **SAUDARA** seperti tafsiran di bawah **SEKSYEN 3 AKTA Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009** seperti berikut:
 - i. Isteri atau suami orang itu;
 - ii. Adik atau abang atau kakak orang itu;
 - iii. Adik atau abang atau kakak isteri/suami orang itu;
 - iv. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
 - v. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan Isteri atau suami orang itu;
 - vii. Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
 - viii. Menantu orang itu;

- 3.2 Tugas kerja yang melibatkan ahli keluarga atau kakitangan yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat boleh menimbulkan konflik kepentingan sebenar serta boleh mewujudkan suasana kerja yang negatif atau tidak profesional seperti yang terkandung di bawah **SEKSYEN 23 AKTA SPRM 2009** seperti berikut:

Seksyen 23 (1) *Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan kedudukannya untuk apa-apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan kesalahan;*

Seksyen 23 (2) *Bagi maksud subsekyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai tu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung*

- 3.3 Adalah penting bagi MDP mengambil kira konflik kepentingan kerana tanggapan bahawa akan berlakunya konflik boleh menjejaskan reputasi MDP sebagai pihak berkuasa tempatan yang memberi perkhidmatan kepada rakyat dan *stakeholders*.
- 3.4 Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, MDP perlu mempunyai polisi yang jelas berkaitan konflik kepentingan supaya tugas harian kakitangan dijalankan dengan telus. Selain daripada itu, kakitangan MDP hendaklah mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang situasi konflik seperti ini.

4.0 SKOP

- 4.1 Polisi Konflik Kepentingan terpakai kepada semua ahli majlis MDP, pegawai dan kakitangan MDP, disepanjang tempoh perkhidmatan mereka di MDP.

5.0 POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

5.1 Untuk memastikan kepentingan MDP terjamin, ahli majlis, pegawai dan kakitangan MDP diwajibkan untuk mengisytiharkan kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan dalam apa jua perkara yang boleh mewujudkan konflik kepentingan dalam tugas rasminya di MDP bagi perkara-perkara berikut:

5.1.1 Urusan Peribadi dengan Syarikat-Syarikat Pembekal dan Pelanggan MDP

- i. Setiap kakitangan MDP perlu memastikan urusan perniagaan peribadi mereka dengan syarikat pembekal adalah sama seperti yang ditawarkan kepada orang awam sebagai contoh pembelian pada harga yang sama ditawarkan kepada orang awam.

5.1.2 Pekerjaan Luar dan Aktiviti di Luar MDP

- i. Sebagai pekerja sepenuh masa, kakitangan MDP dilarang melakukan kerja-kerja luar atau terlibat dalam sebarang perniagaan/perkhidmatan di luar yang berkemungkinan bersaing dengan MDP, berpotensi berlaku konflik kepentingan dengan tugas.
- ii. Kakitangan di MDP perlulah mendapatkan kelulusan Bahagian Integriti Dan Audit Dalam sebelum memulakan pekerjaan kedua atau usaha niaga atau projek peribadi.

5.1.3 Ahli Keluarga dan Hubungan Peribadi yang rapat

- i. Ahli keluarga kepada Pengurusan atau kakitangan MDP hanya boleh diambil bekerja sebagai pekerja atau perunding di MDP sekiranya pelantikan adalah berdasarkan kelayakan, prestasi, kemahiran, pengalaman dan mengikut polisi dan prosedur yang telah ditetapkan oleh MDP. Mereka tidak boleh terlibat dalam proses pemilihan atau lantikan.
- ii. Selain daripada itu, Pengurusan atau kakitangan MDP dilarang mengambil bahagian dalam keputusan MDP yang melibatkan syarikat yang menggaji atau dimiliki oleh ahli keluarga mereka.

- iii. Oleh yang demikian, setiap Pengurusan atau kakitangan MDP perlu mengisytiharkan aktiviti MDP yang melibatkan ahli keluarga mereka. Sebarang kepentingan yang dimiliki oleh ahli keluarga kepada Pengurusan atau kakitangan MDP di dalam syarikat berkaitan yang lain juga perlu diisytiharkan bagi memastikan setiap keputusan mesyuarat yang diputuskan adalah telus.

5.1.4 Hubungan Peribadi yang rapat

- i. Hubungan peribadi dikalangan Pengurusan atau kakitangan MDP menyebabkan salah seorang kakitangan menerima / memberi layanan yang istimewa dan tidak adil. Tindakan atau perhubungan yang berkemungkinan menimbulkan konflik dengan tugas, tanggungjawab atau kepentingan kakitangan .
- ii. Sekiranya terdapat hubungan peribadi di bahagian berkaitan, anggota terlibat perlu sedar bahawa satu atau kedua-dua boleh dipindahkan atau dipinjamkan kepada bahagian lain atau tindakan lain yang boleh diambil mengikut budi bicara Bahagian Sumber Manusia.

5.1.5 Pengisytiharan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat MDP di Peringkat Badan Pentadbir

Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan akan diedarkan dan diisi oleh semua Ahli Jawatankuasa dan diuruskan oleh urusetia mesyuarat masing-masing sebelum mesyuarat bermula.

Pengerusi akan memaklumkan tindakan yang akan diambil ke atas Ahli Mesyuarat terbabit adalah seperti berikut:

- i. Menahan diri daripada mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut;
- ii. Berkecuali daripada mengundi;
- iii. Menarik diri daripada perbincangan di dalam mesyuarat; atau
- iv. Tindakan-tindakan lain.


Semua Tindakan di atas hendaklah dicatatkan di dalam minit mesyuarat jawatankuasa tersebut oleh Setiausaha mesyuarat. Pengisytiharan ini melibatkan semua Mesyuarat diperingkat Badan Pentadbir termasuklah proses temuduga jawatan dan temuduga sewaan gerai.

6.0 MEREKOD DATA

- 6.1 Pengerusi bagi setiap mesyuarat hendaklah memastikan semua Ahli Jawatankuasa melengkapkan borang Pengisytiharan Kepentingan.
- 6.2 Urusetia mesyuarat terbabit hendaklah menyerahkan borang pengisytiharan tersebut kepada Bahagian Integriti dan Audit Dalam selepas mesyuarat jawatankuasa tersebut selesai untuk tujuan simpanan dan pelaporan.

7.0 HUKUMAN KETAKAKURAN

- 7.1 Sekiranya kakitangan MDP gagal mengemukakan borang pengisytiharan konflik kepentingan dalam tempoh yang ditetapkan atau terbukti telah memberikan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak, kakitangan MDP boleh dikenakan hukuman seperti yang diperuntukan dibawah **Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**.



**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH PEKAN
27 MEI 2022**